

Kajian Keusahawanan Sosial dalam Melestarikan Alam Sekitar

Nur Suriaty Daud Fhiri¹, Shuhairimi Abdullah^{1*} dan Yasmin Ahmad¹

Faculty of Applied and Human Sciences, Universiti Malaysia Perlis¹

ABSTRAK

Manusia dimuka bumi ini memerlukan alam sekitar yang seimbang supaya kesejahteraan dan kualiti hidup manusia dapat dicapai. Namun, dunia hari ini menyebabkan manusia terlalu bergantung kepada dunia sains dan teknologi. Realiti ini menyebabkan manusia leka dalam menjalankan tanggungjawab memelihara alam sekitar. Kajian ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan alam sekitar, untuk menggalakkan usahawanan sosial dalam menggunakan idea inovatif bagi melestarikan alam sekitar dan sebagai cadangan untuk menangani masalah pencemaran alam sekitar melalui pendekatan inovatif keusahawanan sosial. Keusahawanan sosial bukanlah sesuatu yang baharu, namun di Malaysia ia belum digunakan secara meluas. Hanya segelintir usahawan yang terlibat dalam bidang keusahawanan sosial ini kerana kurangnya pengetahuan dan pendedahan yang jelas tentang konsep keusahawanan sosial. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan isu semasa pencemaran alam sekitar di Malaysia, pendekatan inovatif keusahawanan sosial dan usahawan sosial berjaya.

Kata Kunci: Keusahawanan Sosial, Inovatif, Kelestarian Alam Sekitar, Magic.

Social Entrepreneurship Study in Environmental Environment

ABSTRACT

Humans on this earth need a balanced environment as the well-being and quality of human life can be achieved. However, world is causing people to be too dependent on the world of science and technology. In reality, people not responsible for preserving the environment. This study aims to provide awareness among the community about the importance of the environment, to encourage social entrepreneurs in using innovative ideas to preserve the environment, and a proposal to address the problem of environmental pollution through innovative approaches to social entrepreneurship. Social entrepreneurship is not something new but in Malaysia, it has not been widely used. Only a handful of entrepreneurs are involved in this field of social entrepreneurship due to a lack of knowledge and exposure to the concept of social entrepreneurship. Therefore, this paper will discuss current issues of environmental pollution in Malaysia, innovative approaches to social entrepreneurship and successful social entrepreneurs.

Keywords: Social Entrepreneurship, Innovative, Environmental Sustainability, Magic.

1. PENDAHULUAN


Mutakhir ini, sering kita dengar di corong-corong radio dan buletin di kaca televisyen tentang isu-isu alam sekitar. Isu-isu ini bermula dari berabad lalu lagi. Namun siapakah yang menyebabkan ini terjadi? Siapakah yang patut dipersalahkan? Siapakah yang perlu mencari penyelesaian daripada isu-isu tersebut? Hal ini yang sering kita dengar daripada masyarakat.

*Koresponden: shuhairimi@unimap.edu.my

Masyarakat hanya menunding jari menyalahkan orang lain tanpa melihat dicermin siapa sepatutnya yang dipersalahkan. Tepuk dada tanya selera.

Amalan kehidupan seharian manusia sewajarnya dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab yang menjurus kearah cintakan alam sekitar. Terdapat kajian-kajian lepas berkenaan amalan masyarakat menunjukkan tahap kesedaran alam sekitar masyarakat Malaysia masih berada pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan negara maju seperti Jepun, Denmark dan Jerman (Jabatan Alam Sekitar Malaysia 1997). Sikap rakyat Malaysia terhadap isu alam sekitar amat membimbangkan. Hasil kajian awal menunjukkan kebanyakan masyarakat menganggap peranan menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab kerajaan. Masyarakat hanya akan sedar tentang kepentingan menjaga alam sekitar apabila bencana sudah berlaku dan yang hampir kepada mereka namun kesedaran untuk terlibat mengatasi masalah tersebut terlalu minima (Zurian & Norjan 2003). Oleh yang demikian, permasalahan yang timbul berkaitan alam sekitar masih menjadi isu semasa dan keperluan untuk membina elemen baharu perlu diteruskan agar amalan cintakan alam sekitar dapat diwujudkan dalam jiwa masyarakat.

Disamping kita berdepan dengan masalah sosial ini terdapat satu kaedah yang kurang diberikan perhatian iaitu kaedah inovatif keusahawanan sosial. Keusahawanan sosial di Malaysia masih baharu dan perlu diberikan perhatian lebih lagi (Shahrilzaily, 2017). Keusahawanan sosial mempunyai keunikan dalam membantu kerajaan mengatasi masalah sosial. Kelestarian alam sekitar akan mudah dicapai sekiranya kerajaan memberi peluang kepada keusahawanan sosial untuk terlibat sama dalam aktiviti kelestarian alam sekitar. Negara-negara membangun seperti Amerika Syarikat telah menggunakan perkhidmatan serta memberikan penghargaan kepada keusahawanan sosial.



Rajah 1. Model Keusahawanan Sosial.

Sumber: Hardy dan Shahimi, 2015.

Berdasarkan rajah 1 di atas, keusahawanan sosial dikelaskan kepada dua organisasi iaitu organisasi bukan keuntungan (*Limited SE*) dan organisasi matlamat kewangan dan sosial (*Extended SE*) Badan bukan kerajaan di bawah organisasi bukan berasaskan keuntungan. Badan bukan kerajaan atau sektor swasta merupakan organisasi bukan sebahagian daripada kerajaan. Jenis organisasi ini biasanya ditubuhkan oleh rakyat biasa dan boleh dibiayai oleh kerajaan, yayasan, syarikat perniagaan, atau individu. Namun sebahagian daripada organisasi ini tidak mempunyai sumber pembiayaan dan dikendalikan oleh sukarelawan. Bagi kategori kedua pula dibahagikan kepada dua iaitu hibrid sosial dan hibrid ekonomi. Hibrid sosial dan hibrid ekonomi adalah organisasi yang mempunyai dua matlamat iaitu keuntungan dan sosial. Perbezaan

organisasi ini adalah dari segi objektif utama, sama ada lebih cenderung kepada sosial atau ekonomi. kecenderungan terhadap sosial atau ekonomi. Biasanya dana kewangan yang diperolehi digunakan untuk manfaat organisasi. Pada sudut yang lain, matlamat fokus organisasi hibrid ekonomi adalah keuntungan. Walau bagaimanapun, ia terlibat secara aktif dalam aktiviti sosial. Dalam erti kata lain, tanggungjawab sosial organisasi perniagaan diletakkan dalam kategori ini. Menurut Oguzan dan Sebnem (2015), keusahawanan sosial boleh ditakrifkan sebagai proses penyelesaian masalah secara inovatif yang dijalankan oleh usahawan yang cakna tentang masalah sosial.

2. PENYATAAN MASALAH

Bencana dan tragedi alam sekitar yang berlaku di Malaysia seperti Highland Tower, Pos Dipang, isu Gua Tempurung, pembuangan sisa toksik di Sungai Gatom di Johor, isu pencemaran arsenik di Loji Rawatan Air Sungai Ganda di Gerik dan terbaru tragedi Sungai Kim Kim Fasa 1 dan Fasa 2. Kes pencemaran bahan kimia yang berlaku di Sungai Kim Kim Pasir Gudang, Johor. Agensi Pengurusan Bencana Negara mendedahkan sebanyak 2.43 tan bahan kimia bercampur tanah dikeluarkan di Sungai Kim Kim (Bernama, 2019). Hal ini telah menyebabkan kesihatan penduduk setempat terjejas dan menyebabkan kesan jangka panjang. Sepanjang 1.5 kilometer sungai tercemar yang menyebabkan empat hari masa yang perlu diambil untuk proses-proses pembersihan dijalankan (Astro Awani, 2019). Setelah proses pembersihan dijalankan, pasukan Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu menjalankan proses pemantauan yang melibatkan 30 orang pasukan. Hal ini menunjukkan bahawa akibat daripada perangai segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab menjaga alam sekitar kesannya kepada semua pihak.

Pada masa kini ekonomi lebih diutamakan berbanding menjaga kelestarian alam sekitar. Sebagai contoh isu terkini berkenaan perlombongan nadir bumi (REE). Negara Malaysia mempunyai rizab galian logam bernilai RM732 bilion yang sedang diusahakan oleh kerajaan untuk diteroka bagi meningkatkan ekonomi negara (Hasimi, 2020). Hal ini sebenarnya akan merosakkan keseimbangan alam sekitar. Malaysia sepatutnya menjadikan China dan Mongolia sebagai negara contoh, dimana pada tahun 2010 negara-negara ini telah mengharamkan perlombongan haram dan kecil-kecilan. Seterusnya mereka menumpukan kepada perlombongan yang lebih lestari supaya pengawalan dan penyelia aktiviti perlombongan lebih mudah tanpa menjejaskan keseimbangan alam sekitar (Mohamad Rizza, 2020). Hal ini kerana China telah mengalami kesan yang besar terhadap kemusnahan alam sekitar akibat daripada aktiviti perlombongan.

Pada tahun 2010 yang lepas seluruh negara di dunia telah menamatkan persidangan berhubung dengan perubahan cuaca yang mempengaruhi kehidupan seluruh manusia. Perubahan cuaca memberi impak kepada alam sekitar. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama dalam merangka semula pemuliharaan alam sekitar. Kerajaan Malaysia menggunakan pelbagai pendekatan bagi memelihara dan memulihara alam sekitar bagi memastikan rakyat dapat terus menikmati suasana hidup yang sihat, progresif dan harmoni dengan alam sekitar. Namun, hal ini hanya hangat-hangat taik ayam. Pencemaran demi pencemaran terus berlaku. Kerajaan perlu memikirkan kaedah-kaedah lain yang lebih sesuai dan berkesan. Terdapat salah satu kaedah yang kurang diberikan perhatian iaitu keusahawanan sosial (Ashadi, 2010).

Pada masa kini beberapa syarikat yang berkonsepkan keusahawanan sosial semakin dikenali. Kewujudan keusahawanan sosial adalah gabungan daripada objektif keusahawanan yang berasaskan keuntungan tetapi dalam masa yang sama meningkatkan keprihatinan kepada komuniti. Keusahawanan sosial menghasilkan produk atau perkhidmatan yang inovatif dalam menyelesaikan masalah sosial. Sebagai contoh, Animal Projects and Environmental Education Sdn. Bhd. telah membantu memelihara alam sekitar dengan menjalankan program kelestarian alam sekitar, pemuliharaan hidupan liar dan pemantauan. Tambahan lagi mereka juga memberikan

Pendidikan kepada masyarakat setempat dalam melestarikan alam sekitar (apemalaysia.com, 2020).

3. TUJUAN KAJIAN

Kertas kajian ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan alam sekitar. Selain itu, objektif kajian ini adalah untuk menggalakkan usahawanan sosial dalam menggunakan idea inovatif bagi melestarikan alam sekitar. Tambahan lagi, kajian ini adalah sebagai cadangan untuk menangani masalah pencemaran alam sekitar melalui pendekatan inovatif keusahawanan sosial. Alam sekitar adalah nadi kepada kemakmuran sosial, politik dan perkembangan ekonomi. Negara yang mempunyai persekitaran yang baik membolehkan ekonomi negara lebih maju. Negara yang bersih melahirkan rakyat yang sihat. Diharap kajian ini dapat melahirkan lebih ramai usahawan sosial di Malaysia.

Usahawan kini perlu menjadikan usahawan sosial Barat sebagai contoh dalam menjalankan aktiviti kelestarian alam sekitar. Antara usahawan sosial berjaya yang membantu dalam masalah sosial alam sekitar iaitu Boyan Slat pengasas dan *CEO The Ocean Cleanup*. *The Ocean Cleanup* ditubuhkan bagi menangani krisis-krisis keusahawanan yang terkait dengan pencemaran, pemulihan dan kelestarian alam sekitar terutamanya laut. Aspirasi keusahawanan sosial Boyan Slat mula tersebar dan diketahui ramai melalui Ted Talks dalam mengetengahkan pelbagai inovasi sosial kepada generasi kini tentang tanggungjawab alam sekitar dan sosio-ekonomi sejagat. Seterusnya, Scott Harrison pengasas *Charity Water*. *Charity Water* menjalankan aktiviti dalam pemerkasaan nilai dan impak sosial melalui perbekalan air bersih ke seluruh dunia. Hal ini dipandang rendah bagi sesetengah pihak namun beliau berjaya menunjukkan beberapa kepentingan kepada aspek sosial kesan daripada perbekalan air bersih iaitu pembinaan legasi dalam membangunkan masyarakat progresif. Beliau juga giat berkongsi tentang '*Sustainability Development Management*' di TED Talks dan pelbagai platform keusahawanan sosial dunia tentang aspirasi yang dilaksanakan atas entiti komersil yang mampu menyumbang semula kepada impak sosial sejagat.

4. PERBINCANGAN

Komuniti di persekitaran sungai terbabit secara langsung dalam memelihara dan memulihara kebersihan sungai serta menjadikan sungai sebagai ekopelancongan. Kerajaan jangan leka dan terus menjalankan program pemeliharaan alam sekitar, disamping itu menjadi pemangkin kepada masyarakat untuk melestarikan alam sekitar. Sektor swasta juga perlu terlibat sama dalam pemeliharaan alam sekitar dengan berperanan sebagai pemberi bantuan dari segi kewangan dan teknikal. Hal ini juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat sektor swasta. Selain itu, badan-badan bukan kerajaan juga berperanan dalam memberi bantuan teknikal dan menjalankan pemantauan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya hal ini dapat dijalankan secara kerjasama, kelestarian akan lebih mudah dicapai dan dijaga seperti kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Merujuk kepada laporan *Malaysian Social Enterprise Blueprint 2015-2018*, keusahawanan sosial telah diperluaskan lagi di Malaysia melalui MaGIC (*Malaysia Global Innovation and Creativity Centre*). Magic bertanggungjawab membangunkan sektor perusahaan sosial di Malaysia melalui peruntukan khas dana RM20 juta. Visi pasukan keusahawanan sosial adalah untuk menjadikan Malaysia peneraju serantau bagi ekonomi rakyat. Manakala misi pula untuk menjadikan potensi keusahawanan sosial untuk memacu manfaat jangka panjang kepada masyarakat dan alam sekitar. Sektor perusahaan sosial Malaysia kini di peringkat awal yang mana sebahagian besarnya didorong oleh komuniti yang terpinggir dalam kawasan geografi tertentu atau tema tertentu.

Namun, terdapat satu pengiktirafan biasa di kalangan pihak berkepentingan menyatakan keusahawanan sosial berpotensi untuk menyelesaikan banyak cabaran sosial dengan menggunakan organisasi keuntungan dan organisasi bukan keuntungan. Hal ini telah melayakkan Malaysia menjadi tuan rumah *Global Social Business Summit* pada tahun 2013, kali pertama sidang kemuncak itu diadakan di luar Eropah. Pada sidang kemuncak itu, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Yang Amat Berhormat Dato 'Sri Tun Najib Razak memperuntukkan RM 20 juta untuk menubuhkan Unit Keusahawanan Sosial di bawah *Malaysia Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)* (Malaysian Social Enterprise Blueprint, 2015-2018). Demikian, hal ini menunjukkan bahawa bidang keusahawanan sosial telah diberi perhatian yang serius oleh kerajaan Malaysia.

5. PENUTUP

Walaupun bidang keusahawanan sosial merupakan bidang baharu di Malaysia, namun melihat kepada contoh-contoh organisasi yang terlibat sebelum ini menunjukkan bahawa bidang keusahawanan sosial mempunyai potensi untuk diperluaskan lagi bagi membantu menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar. Sokongan daripada pihak kerajaan di bawah *Malaysia Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)* akan menjadikan keusahawanan sosial sebagai entiti penting selari dengan sektor kerajaan dan sektor swasta. Disebabkan amalan keusahawanan sosial masih baharu dan masih kurang usahawan yang menceburinya, maka pelbagai kaedah perlu dilakukan untuk mempelbagaikan aktiviti keusahawanan sosial di Malaysia. Kerajaan berperanan penting dalam memberi penjelasan kepada masyarakat tentang konsep, keperluan dan perkara-perkara lain yang perlu untuk menggalakkan masyarakat dan keusahawanan sosial di Malaysia dalam kelestarian alam sekitar. Oleh itu, penulis mencadangkan agar semua pihak samaada bakal usahawan dan pihak kerajaan memainkan peranan dalam memastikan program keusahawanan sosial dapat diperluaskan di seluruh negara kerana ia memberi manfaat kepada kelestarian alam sekitar. Penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.

Rujukan

- Hasimi, M. (2020). *Nadir bumi: Bukan hanya ekonomi, keseimbangan alam sekitar perlu diberi perhatian*.
- Yeo, B. Y. (2019). *Kawasan tercemar Sungai Kim Kim sudah selesai dibersihkan*.
- Ain, Najhan. (2019). *Pencemaran bahan kimia: Bacaan bahan kimia di Sungai Kim Kim*. apemalaysia.com
- Shahrilzaily, A. K. (2017). *Amalan Keusahawanan Sosial di Malaysia: Konsep dan Definisi*. Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB) Vol. 1: no. 1 (2017) page 133-142.
- <https://www.charitywater.org/about/scott-harrison-story>
- <https://theoceancleanup.com/>
- <https://khirkhalid.com/10-tokoh-usahawan-sosial-dunia/>
- Jabatan Alam Sekitar Malaysia. 1997. Environmental quality report 1997. Kuala Lumpur: Jabatan Alam Sekitar
- Susana Bernardino, J. Freitas Santos, J. Cadima Ribeiro (2015), *Social Entrepreneurship: Does Institutional Environment Make a Difference?* 55th Congress of the European Regional Science Association: "World Renaissance: Changing roles for people and places, 25-28.

